

Bina 78,000 unit rumah

awam

Berita Harian
mampu milik

11/10/2010 MS 136

KERAJAAN Persekutuan akan membina 78,000 unit baru perumahan awam mampu milik di seluruh negara dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Perumahan awam kos rendah akan disediakan kepada individu dan keluarga yang layak dengan pendapatan isi rumah kurang RM2,500 sebulan, bergantung kepada jenis rumah, selaras agenda kerajaan meningkatkan pendapatan isi rumah 40 peratus terendah.

Lazimnya, kerajaan menanggung subsidi 30 peratus hingga 75 peratus daripada jumlah kos pembinaan.

Di bawah skim perumahan awam di bandar disediakan Jabatan Perumahan Negara (JPN), rumah berkeluasan 700 kaki persegi dijual dengan harga RM42,000 seunit.

Bagi meningkatkan kecekapan penyediaan perumahan, kerajaan akan menyusun semula dan memperkemas peranan agensi persekutuan yang terbabit dalam perumahan awam.

Ketika ini, perumahan awam dipertanggungjawab kepada beberapa kementerian dan agensi seperti JPN, Kementerian Kemajuan Luar bandar dan Wilayah, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) dan Syarikat Perumahan Negara Bhd.

Kerajaan akan menyusun semula penyediaan perumahan awam yang dibiayai Kerajaan Persekutuan.

Bagi menangani isu penyenggaraan rumah yang lemah, kerajaan akan mewujudkan Tabung Penyenggaraan Perumahan dengan dana permulaan RM500 juta yang akan digunakan untuk kerja pembaikan besar dan penyenggaraan seperti lif dan tangki air.

Dana berkenaan berasaskan geran sepadan yang separuh daripadanya perlu disumbang penghuni rumah menerusi badan pengurusan bersama atau pengurus perbadanan.

Dana berkenaan adalah tambahan kepada Tabung Perumahan 1Malaysia yang diwujudkan melalui sumbangan kerajaan dan beberapa perbadanan swasta pada Februari 2010.